
BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD
NOTA AMALAN 16**SYARIKAT TUNAI**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Januari 2005
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009
	Perenggan 8.03, 16.02, 16.11

1.0 Pengenalan

- 1.1 Perenggan 8.03(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian menyatakan bahawa Syarikat Tunai mesti mematuhi apa-apa kehendak yang ditetapkan oleh Bursa.
- 1.2 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai obligasi penzahiran suatu Syarikat Tunai.

2.0 Obligasi penzahiran suatu Syarikat Tunai

- 2.1 Suatu Syarikat Tunai mesti mengumumkan kepada Bursa -
- (a) dengan serta merta apabila menerima notis Bursa bahawa ia suatu Syarikat Tunai ("**Pengumuman Awal**") -
- (i) bahawa penerbit tersenarai ialah suatu Syarikat Tunai;
 - (ii) obligasi Syarikat Tunai menurut Nota Amalan ini;
 - (iii) kesan ketidakpatuhan kepada obligasi yang disebut terdahulu; dan
 - (iv) status cadangan Syarikat Tunai untuk memperoleh suatu perniagaan teras baharu, atau status usahanya/langkah yang diambil olehnya untuk merumuskan cadangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau jika tiada cadangan atau apa-apa usaha untuk merumuskan cadangan itu telah dilaksanakan, suatu pernyataan negatif yang sesuai bagi maksud itu;
- (b) mengumumkan status cadangannya yang disebut dalam perenggan (a)(iv) di atas dan bilangan bulan sehingga akhir jangka masa yang berkenaan yang disebut dalam perenggan 8.03(5)(a) Kehendak-Kehendak Penyenaraian ("**Pengumuman Bulanan**"), mengikut yang berkenaan. Syarikat Tunai itu mesti membuat Pengumuman Bulanan serentak dengan pengumuman laporan suku tahunannya menurut perenggan 0.22 Kehendak Penyenaraian. Dalam apa-apa keadaan, Syarikat Tunai itu mesti membuat Pengumuman Bulanan tidak lewat daripada 2 bulan selepas berakhirnya setiap suku tahunan tahun kewangan, sehingga notis selanjutnya daripada Bursa;

-
- (c) mengumumkan pematuhannya atau ketidakpatuhannya kepada suatu obligasi tertentu yang dikenakan menurut Nota Amalan ini pada kadar segera;
 - (d) mengumumkan perincian cadangan yang pengumuman itu mesti memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 2.2 di bawah ("**Pengumuman Perlu**"); dan
 - (e) jika Syarikat Tunai gagal untuk menjadikan teratur syarat, tarikh penggantungan dan pembatalan penyenaian sekuriti tersenarainya dengan serta merta apabila diberitahu tentang penggantungan dan pembatalan penyenaian oleh Bursa.

2.2 Pengumuman Perlu mesti -

- (a) mengandungi perincian cadangan;
- (b) termasuk jangka masa bagi menyelesaikan pelaksanaan cadangan; dan
- (c) diumumkan oleh Penasihat Utama Syarikat Tunai.

2.3 Sebelum suatu Syarikat Tunai membuat Pengumuman Perlu, ia mesti memastikan bahawa semua perjanjian yang akan dibuat dengan pihak ketiga sebagai sebahagian daripada cadangan itu, telah dilaksanakan dengan sewajarnya oleh semua pihak kepada perjanjian itu.